



## UPM Terpilih Teraju Program Pemuliharaan Alam Sekitar



*Datin Seri Rosmah bersama pelajar sekolah rendah menunjukkan isyarat 'Satu Malaysia'.*

**SERDANG, 27 April** – Pengerusi Eksekutif Puncak Niaga Sdn Bhd, Tan Sri Rozali Ismail mencadangkan kerajaan melantik Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai peneraju, perancang dan pelaksana program pemuliharaan alam sekitar.

Beliau berkata sebelum itu, Universiti Kebangsaan Malaysia terpilih menjadi universiti yang melaksana dan merancang program untuk golongan remaja sebagai golongan sasaran.

“Memandangkan UPM sebagai salah satu universiti terkemuka di Malaysia, ia terlibat secara langsung dalam aktiviti dan kursus alam semula jadi serta mempunyai kepakaran dalam bidang ini,” katanya pada majlis pelancaran Kelab Briged Penyelamat Sungai kali ke 24 di sini.



Majlis yang dianjurkan oleh Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) dan Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd. itu diadakan untuk mendidik generasi muda supaya peka terhadap kebersihan sungai serta menjadi pemangkin kepada matlamat mempertingkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai kepentingan sungai.

Seramai 600 orang murid sekolah rendah, menengah dan para penuntut dari Institut pengajian Tinggi di sekitar Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya mengambil bahagian dalam aktiviti yang dianjurkan di Padang Kawad UPM.



Datin Seri Rosmah ketika melancarkan majlis itu berkata syarikat Puncak Niaga dan SYABAS memperuntukkan sebanyak RM2 juta setahun bagi membantu Kelab Brigid Penyelamat Sungai di dalam menjaga kebersihan sungai dan alam sekitar.

“Air akan menjadi komoditi rebutan yang tidak ternilai harganya sekiranya masyarakat masih dibelenggu dengan aktiviti kerakusan yang akan mencemarkan sumber alam ini,” katanya.

Beliau juga memuji usaha yang diambil oleh Puncak Niaga memperkasakan program mesra alam dan menyeru seluruh masyarakat Malaysia supaya membuat anjakan paradigma untuk lebih peka kepada keadaan alam sekitar.



*Datin Seri Rosmah (kiri) merasmikan majlis pelancaran Kelab Brigid Penyelamat Sungai kali ke 24 sambil diperhati Tan Sri Rozali (dua dari kiri) dan Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha (kanan).*

Katanya masih tidak terlewat untuk masyarakat tempatan mengubah sikap sambil lewa mengenai penjagaan alam sekitar dan mengambil langkah dalam memastikan sungai-sungai menjadi sumber bekalan air mentah terus dipelihara.

Inisiatif Tan Sri Rozali menubuhkan Kelab Brigid Penyelamat Sungai Puncak Niaga pada 1998 adalah satu usaha yang berjaya menarik minat masyarakat ke arah menghargai sungai.

Sejak itu, program tersebut yang memberi tumpuan pendidikan dan kesedaran ke sekolah-sekolah rendah di sekitar negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya telah mempunyai 148 buah sekolah dan 3,820 pelajar berdaftar menjadi ahli kelab

briged yang dibiayai oleh Puncak Niaga itu.



*Antara persembahan pelajar sekolah rendah.*

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.  
(Mohd Faisal Md Noor 03-89466013).**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia